PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 SEPTEMBER 2016

Pertemuan dengan Anwar bukti Mahathir terdesak – Tengku Sariffuddin

um- 11/9/2016

KUALA LUMPUR 10 Sept. – Kunjungan Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Mahkamah Tinggi untuk bertemu pemimpin umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, menunjukkan bekas perdana menteri itu kini berada dalam keadaan amat terdesak, kata Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad.

Tengku Sariffuddin yang juga Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ia juga menunjukkan bahawa 'agenda politik demi kepentingan peribadi' Dr. Mahathir telah gagal.

Dr. Mahathir bertemu Anwar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin lalu, semasa bekas ketua pembangkang itu memfailkan saman bagi menghentikan operasi Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) atas alasan ia tidak berperlembagaan.

TENGKU SARIFFUDDIN

Pertemuan itu juga menunjukkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sekadar menjadi 'orang nombor dua' kepada Anwar berikutan perikatan Dr. Mahathir dengan pembangkang, kata Tengku Sariffuddin dalam kenyataan di sini, malam ini.

Muhyiddin merupakan presiden penaja Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang baru ditubuhkan manakala Dr. Mahathir adalah pengerusi penajanya.

Tengku Sariffuddin berkata, kini Muhyiddin menjadi orang nombor dua dalam parti Dr. Mahathir itu, dan dengan kedudukan demikian, 'seorang presiden boneka perlu mematuhi semua arahan seseorang yang terkenal dengan sikap yang mahu orang mengikut arahannya'.

"Di samping penghinaan ini, masa depan politik Muhyiddin juga kini bergantung pada Anwar kerana beliaulah yang akan berkata 'ya' atau 'tidak' terhadap apa yang dikatakan Dr. Mahathir. Jadi, sekarang, Muhyiddin perlu mengikut arahan Anwar.

"Ketidaksetiaan kepada parti dan kerajaan kini dibalas oleh keadilan asasi. Betapa besarnya perbezaan yang berlaku hanya dalam masa setahun ini," katanya.

Mahathir memecat Anwar pada 1998 sebagai timbalan perdana menteri. Beliau turut dipecat daripada UMNO selepas itu.

Anwar kemudian dikenakan pertuduhan berkaitan rasuah dan meliwat. Beliau dihukum enam tahun penjara pada 1999 berhubung empat tuduhan rasuah.

Anwar dibebaskan pada 2 September 2004 setelah hampir enam tahun menjalani hukuman penjara apabila Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuannya terhadap sabitan kesalahan meliwat.

Kini, bekas ketua pembangkang itu menjalani hukuman penjara lima tahun bagi satu lagi sabitan kesalahan meliwat. – BERNAMA